



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JBPM.IP.BKK.700-1/1/1 Jld. 3 (5)
Tarikh : 20 September 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YS Dato'/Tuan,

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 2 TAHUN 2023: PROSEDUR MEMPROSES PERMOHONAN KAJIAN SEMULA PEPASANGAN KESELAMATAN KEBAKARAN

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa, bersama-sama ini disertakan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 2 Tahun 2023 yang bertajuk **Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 2 Tahun 2023: Prosedur Memproses Permohonan Kajian Semula Pemasangan Keselamatan Kebakaran**.

3. Secara dasarnya, Perintah ini adalah sebagai garis panduan kepada pegawai Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM), *Principal Submitting Person (PSP)* dan *Submitting Person (SP)* berkaitan pengemukaan serta tatacara pemprosesan permohonan kajian semula pemasangan keselamatan kebakaran.

4. Sehubungan dengan itu, pengemukaan serta pemprosesan permohonan kajian semula pemasangan keselamatan kebakaran di JBPM seluruh negara hendaklah berdasarkan kepada Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 2 Tahun 2023 ini berkuatkuasa bermula dari tarikh ianya ditandatangani. Adalah diharapkan dengan adanya Perintah ini, pengemukaan serta pemprosesan permohonan kajian semula pemasangan keselamatan kebakaran akan menjadi lebih sistematik dan seragam.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' SRI ABDUL WAHAB BIN HJ MAT YASIN)
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia

'CEPAT DAN MESRA'

s.k.

- i. YAS Timbalan Ketua Pengarah JBPM (Operasi)
- ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah JBPM (Pembangunan)

SENARAI EDARAN

Ibu Pejabat JBPM

YS Pengarah, Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
 YS Pengarah, Bahagian Penyiasatan Kebakaran
 YS Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
 YS Pengarah, Bahagian Pembangunan
 YS Pengarah, Bahagian Latihan
 YS Pengarah, Bahagian Pengurusan Korporat

JBPM Negeri

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
 YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri W.P. Kuala Lumpur
 YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
 YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
 YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang
 YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
 YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
 YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
 YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
 YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
 YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
 YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
 YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
 YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
 YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Labuan
 YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Putrajaya

Semua YS Pemerintah Pangkalan Udara JBPM

Semua YS Komandan FRAM

Semua Penolong Pengarah Negeri Bahagian Keselamatan Kebakaran

Semua Ketua Zon

Semua Ketua Balai

TERHAD



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 2 TAHUN 2023

PROSEDUR MEMPROSES PERMOHONAN KAJIAN SEMULA PEPASANGAN KESELAMATAN KEBAKARAN

PENDAHULUAN

1. Secara umumnya, penyediaan dan pembangunan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 2 Tahun 2023 : Prosedur Memproses Permohonan Kajian Semula Pemasangan Keselamatan Kebakaran ini adalah merupakan pindaan penambahbaikan kepada Perintah Tetap Pencegah Bilangan 1 Tahun 2007 : Perlaksanaan Kaedah Pusat Setempat (*One Stop Centre*) dan Pengeluaran Perakuan Siap Dan Pematuhan (*Certificate Of Completion & Compliance*), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia : Bahagian D : Tatacara Memproses Permohonan Kelonggaran Syarat Kebombaan.
2. Perintah tetap ini disediakan sebagai panduan terutamanya kepada pegawai Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM), *Principal Submitting Person (PSP)* dan *Submitting Person (SP)* berkaitan prosedur memproses permohonan kajian dan semakan semula pemasangan keselamatan kebakaran.

TERHAD

TERHAD

3. Diharapkan dengan adanya perintah tetap ini, semua pihak yang berkenaan akan lebih memahami dan mematuhi prosedur yang telah ditetapkan bagi melancarkan permohonan kajian dan semakan semula pemasangan keselamatan kebakaran.

PUNCA KUASA

4. Perintah Tetap Pencegah Bilangan 1 Tahun 2007 : Perlaksanaan Kaedah Pusat Setempat (*One Stop Centre*) dan Pengeluaran Perakuan Siap Dan Pematuhan (*Certificate Of Completion & Compliance*), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia : Bahagian D : Tatacara Memproses Permohonan Kelonggaran Syarat Kebombaannya.

5. Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 3 Tahun 2019 : Penubuhan Jawatankuasa Pemandu Dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Teknikal Keselamatan Kebakaran Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.

TUJUAN

6. Perintah tetap ini adalah bagi menyeragamkan prosedur pemprosesan permohonan kajian dan semakan semula pemasangan keselamatan kebakaran oleh JBPM di seluruh negara serta pengemukakan permohonan oleh pihak *PSP* dan *SP*.

7. Perintah tetap ini adalah turut memperkemaskan peraturan, prosedur pemprosesan permohonan kajian dan semakan semula pemasangan keselamatan kebakaran oleh JBPM.

SINGKATAN DAN TAFSIRAN

“**JKTKK**” bermaksud Jawatankuasa Teknikal Keselamatan Kebakaran di peringkat Ibu pejabat dan negeri.

“**KSSPKK**” bermaksud kajian dan semakan semula pemasangan keselamatan kebakaran.

“**PKK**” ialah pemasangan keselamatan kebakaran bermaksud Kehendak-kehendak Menentang Kebakaran dan Penggera Kebakaran, Pengesan Api dan Akses Menentang Kebakaran yang disyaratkan menurut UuKBS Bahagian VII dan Bahagian VIII serta SBO 1994 *Fourth Schedule - Building Bylaws Part VI dan Part VII*.

TERHAD

TERHAD

“PBKK” bermaksud Pengarah, Bahagian Keselamatan Kebakaran.

“SBO 1994” bermaksud Sarawak *Building Ordinance* 1994 termasuk apa-apa pindaan.

PENGEMUKAAN PERMOHONAN

8. Surat permohonan KSSPKK hendaklah dikemukakan oleh *PSP/SP* yang dilantik bagi sesuatu cadangan kemajuan kepada JBPM dengan menyatakan perkara-perkara berikut : -

- a) Deskripsi lengkap permohonan KSSPKK dan menyatakan dengan jelas klausa undang-undang / Arahan / Perintah / Garis Panduan / Piawaian berkaitan permohonan KSSPKK; dan
- b) Asas dan justifikasi lengkap permohonan KSSPKK; dan
- c) Cadangan alternatif kepada permohonan KSSPKK

9. Pihak *PSP/SP* juga boleh mengemukakan sebarang dokumen / lukisan teknikal / pengiraan yang berkaitan bagi menyokong permohonan KSSPKK.

BIDANG KUASA DAN TANGGUNGJAWAB

10. Permohonan KSSPKK akan diproses mengikut bidang kuasa dan tanggungjawab yang ditetapkan seperti di bawah:-

- a) Ibu Pejabat JBPM
 - i. Permohonan KSSPKK bagi cadangan projek yang diproses di peringkat Ibu Pejabat JBPM; atau
 - ii. Permohonan KSSPKK yang dirujuk oleh negeri setelah keputusan dibuat di peringkat negeri. (permohonan tidak boleh dikemukakan terus ke Ibu Pejabat JBPM)
- b) Ibu Pejabat JBPM Negeri
 - i. Permohonan KSSPKK bagi cadangan projek yang diproses di peringkat Ibu Pejabat Negeri dan Zon / Daerah; atau

TERHAD

TERHAD

- ii. Permohonan KSSPKK bagi projek atau premis berkaitan hal pelesenan dan juga Perakuan Bomba (FC).

JAWATANKUASA TEKNIKAL KESELAMATAN KEBAKARAN (JKTKK)

11. JKTKK perlu ditubuhkan mengikut bidang kuasa dan tanggungjawab seperti yang dinyatakan di **para 10** di atas. Terdapat 2 peringkat JKTKK seperti berikut iaitu:-

- a) Peringkat Ibu Pejabat JBPM.
- b) Peringkat Ibu Pejabat JBPM Negeri.

12. Keanggotaan JKTKK.

a) **Peringkat Ibu Pejabat JBPM**

Pengerusi - Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran (PBKK)
Timbalan Pengerusi- Ketua Seksyen Perakuan Keselamatan Bangunan
Urusetia – Ketua Cawangan Perakuan Keselamatan Kebakaran

Keahlian :-

- i. Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
- ii. Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
- iii. Pengarah Bahagian Penyiasatan Kebakaran
- iv. Pengarah Bahagian Latihan
- v. Ketua Seksyen Penguatkuasaan Bangunan
- vi. Ketua Cawangan (KC) Penghapusan Bahaya Kebakaran
- vii. KC Perakuan Bomba
- viii. KC Perakuan Pelesenan Bangunan
- ix. KC Program Keselamatan Kesedaran Awam
- x. KC Pendaftaran Keselamatan Kebakaran
- xi. KC Piawaian Keselamatan Kebakaran

b) **Peringkat Ibu Pejabat JBPM Negeri**

Pengerusi - Pengarah Bomba Negeri (PBN)
Timbalan Pengerusi- Timbalan Pengarah Bomba Negeri

TERHAD

TERHAD

Urusetia – KC Perakuan Bangunan

Keahlian:-

- i. Penolong Pengarah Negeri (PPN) Bahagian Keselamatan Kebakaran
- ii. PPN Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
- iii. PPN Bahagian Penyiasatan Kebakaran
- iv. PPN Bahagian Latihan
- v. KC Penguatkuasaan Keselamatan Bangunan
- vi. KC Program Keselamatan Kesedaran Awam

13. Kehadiran dan Korum Mesyuarat

- a) Kehadiran ahli jawatankuasa adalah wajib.
- b) Sekiranya terdapat ahli yang tidak dapat hadir mesyuarat boleh diteruskan dengan kehadiran dua per tiga (2/3) bilangan ahli.
- c) Sekiranya ketiadaan Pengerusi, Timbalan Pengerusi boleh mempengerusikan mesyuarat.
- d) Sekiranya ahli tetap tidak dapat hadir, hendaklah digantikan dengan wakil pengganti.

14. Kekerapan Mesyuarat

- a) Kekerapan mesyuarat berdasarkan kepada permohonan yang diterima. Setiap permohonan yang diterima hendaklah diproses dalam tempoh 14 hari atau sekiranya permohonan terkumpul berjumlah 5 permohonan, mesyuarat hendaklah diadakan.

TATACARA MEMPROSES PERMOHONAN

15. Permohonan KSSPKK hanya boleh dikemukakan oleh *PSP / SP* projek tersebut sahaja.

16. Pengemukakan permohonan KSSPKK hendaklah dikemukakan seperti di **para 8**.

TERHAD

TERHAD

17. Surat permohonan KSSPKK hendaklah diminit kepada Urusetia JKTKK.
18. Urusetia hendaklah menyemak butiran permohonan KSSPKK dan memastikannya lengkap untuk dikemukakan kepada JKTKK. Sekiranya dokumen yang dikemukakan tidak mematuhi syarat-syarat permohonan ianya perlu dikembalikan kepada pemohon.
19. Bagi permohonan yang mematuhi syarat, maka urusetia hendaklah menyediakan Kertas Mesyuarat JKTKK seperti di **Lampiran A**.
20. Urusetia hendaklah memanggil mesyuarat JKTKK berdasarkan seperti para **12**.

MESYUARAT JKTKK

21. Urusetia hendaklah membentangkan setiap Kertas Mesyuarat JKTKK untuk pertimbangan JKTKK.
22. Pihak pemohon boleh dijemput untuk membentangkan permohonan yang dibuat kepada JKTKK sekiranya diperlukan.
23. Pegawai proses pelan bagi projek tersebut juga boleh dijemput untuk memberi penerangan berkaitan dengannya.
24. JKTKK hendaklah meneliti asas permohonan yang dikemukakan dari aspek perundangan, piawaian, operasi melawan kebakaran dan keselamatan kebakaran.
25. Setiap ahli mesyuarat boleh memberi pandangan dan membuat keputusan ke atas setiap permohonan KSSPKK.

KEPUTUSAN MESYUARAT

26. Keputusan setiap ahli JKTKK direkod dan diminitkan.

TERHAD

TERHAD

27. Permohonan KSSPKK samada diterima atau ditolak ditentukan berdasarkan kepada keputusan majoriti ahli.
28. Pengerusi mesyuarat JKTKK mempunyai kuasa pemutus sekiranya keputusan ahli yang bersetuju dan tidak bersetuju bagi sesuatu permohonan adalah sama.
29. Kertas mesyuarat hendaklah ditandatangani oleh semua ahli JKTKK yang hadir.
30. Minit mesyuarat JKTKK hendaklah disediakan seperti format di **Lampiran B**. Salinan minit JKTKK di peringkat JBPM Negeri hendaklah dihantar kepada PBKK.
31. Keputusan JKTKK hendaklah dimaklumkan kepada pemohon menggunakan surat seperti format di **Lampiran C dan Lampiran D**.

CARTA ALIR PERMOHONAN

32. Carta alir pemprosesan permohonan KSSPKK adalah seperti di **Lampiran E**.

TARIKH KUATKUASA

33. Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 2 ini berkuat kuasa serta merta selepas tarikh ianya ditandatangani oleh Ketua Pengarah JBPM.

PENUTUP DAN PEMBATALAN

34. Dengan berkuatkuasanya Perintah Tetap ini, Perintah Tetap Pencegah Bilangan 1 tahun 2007 : Pelaksanaan Kaedah Pusat Setempat (*One Stop Centre*) dan Pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate Of Completion & Compliance*) Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia, Bahagian D : Tatacara Memproses Permohonan Kelonggaran Syarat Kebombaan adalah **TERBATAL**.
35. Ketua Pengarah dengan ini berhak untuk meminda atau membuat sebarang arahan-arahan lain selain daripada arahan-arahan yang terdapat di dalam arahan ini mengikut keperluan dari masa ke semasa.


TERHAD

TERHAD

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



.....
(DATO' SRI ABDUL WAHAB BIN HJ MAT YASIN)

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh: **8/9/2023**

Salinan kepada:-

- 1) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
- 2) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
- 3) Semua YS Pengarah Bomba Negeri
- 4) Semua YS Komandan FRAM

TERHAD

TERHAD

LAMPIRAN A

KERTAS MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL KESELAMATAN KEBAKARAN (JKTKK)							
1	Bil. Mesyuarat JKTKK		/		2023		
2	Bil. Kertas JKTKK		/				
3	Tarikh Mesyuarat JKTKK		/		/	2023	
4	Tajuk Projek						
5	No. Fail						
6	Nama dan Alamat PSP/SP (Pemohon)						
7	Perkara Yang Dipohon						
8	Asas Kajian Semula						
9	Kronologi						
10	Cadangan Alternatif						
11	Rujukan Piawaian/ Undang-undang						
12	Dokumen Sokongan						
13	JKTKK (Keahlian)	Nama	Keputusan Ahli (Tandakan ✓ pada salah satu kotak berkenaan)				Tandatangan
	Pengerusi		☐	Setuju	☐	Tidak Setuju	
	Timbalan Pengerusi		☐	Setuju	☐	Tidak Setuju	
	Urusetia		☐	Setuju	☐	Tidak Setuju	

TERHAD

TERHAD

	AJK		☐	Setuju	☐	Tidak Setuju	
			☐	Setuju	☐	Tidak Setuju	
			☐	Setuju	☐	Tidak Setuju	
	Pegawai Turut Serta						
14	Jumlah Bilangan Keputusan Ahli	☐	Setuju	☐	Tidak Setuju		
15	Keputusan Permohonan JKTKK	Permohonan (Senaraikan permohonan jika lebih 1 permohonan PKK)			Keputusan (Tandakan ✓ pada kotak berkenaan)		
					☐	Lulus	
					☐	Tolak	
					☐	Tangguh	
16	Justifikasi & Cadangan Keputusan Mesyuarat JKTKK						

TERHAD

MINIT MESYUARAT JKTKK				
1	Bil. Mesyuarat	Bil. 15 / 2023		
2	Tarikh Mesyuarat			
3	Kehadiran Mesyuarat	Nama Pegawai	Keanggotaan JKTKK	Jawatan
			Pengerusi	
			Timbalan Pengerusi	
			Urusetia	
			Ahli	
			Ahli	
			Ahli	
	Tidak Hadir		Ahli	
			Ahli	

4.1	Bil. Kertas	1 / 2			
	Tajuk Projek				
	Nombor Fail				
	Nama dan Alamat PSP / SP (Pemohon)				
	Perkara yang dipohon				
	Justifikasi				
	Cadangan Alternatif	-			
	Rujukan Piawaian / Undang-Undang				
	Keputusan permohonan JKTKK	Permohonan (Senaraikan permohonan jika > 1 permohonan PKK)	Keputusan (Tanda ✓ pada kotak berkenaan)	Justifikasi	Ulasan
			☐ Lulus ☒ Tolak ☐ Tangguh		
	JKTKK (Keahlian)	Nama			Keputusan Ahli (Tandakan ✓ pada salah satu kotak berkenaan)
	Pengerusi	Nama Pegawai: (Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran)			SETUJU

TERHAD

	Setiausaha	-	-
	AJK :	Nama Pegawai: (Ketua Caw. Program Keselamatan Kesedaran Awam)	SETUJU
		Nama Pegawai: (Ketua Caw. Perlesenan Bangunan)	SETUJU
		Nama Pegawai: (Ketua Cawangan Piawaian Keselamatan Kebakaran)	SETUJU
	Keputusan JKTKK	SETUJU	
4.2	Bil. Kertas	2 / 2	
	Tajuk Projek		
	Nombor Fail		
	Nama dan Alamat PSP / SP (Pemohon)		
	Perkara yang dipohon		
	Justifikasi		
	Cadangan Alternatif	-	
	Rujukan Piawaian / Undang-Undang		
	Keputusan permohonan JKTKK	Permohonan (Senaraikan permohonan jika > 1 permohonan PKK)	Keputusan (Tanda ✓ pada kotak berkenaan)
		Justifikasi	Ulasan

TERHAD

	Permohonan Untuk Sistem Siaraya (Public Address System) Untuk:- (Fasa 1)	☒	Lulus Tolak Tangguh	Tidak mengemukakan rekabentuk rumah kediaman	
	JTKK (Keahlian)	Nama			Keputusan Ahli (Tandakan ☒ pada salah satu kotak berkenaan)
	Pengerusi	Nama Pegawai: (Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran)			SETUJU
	Urusetia	-			-
	AJK :	Nama Pegawai: (Ketua Caw. Program Keselamatan Kesedaran Awam)			SETUJU
		Nama Pegawai: (Ketua Caw. Perlesenan Bangunan)			SETUJU
		Nama Pegawai: (Ketua Cawangan Piawaian Keselamatan Kebakaran)			SETUJU
	Keputusan JTKK	TOLAK			



IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,
MALAYSIA, NEGERI SEMBILAN
SEREMBAN 2

LAMPIRAN C

Telefon : 603-88880036
Faks : 603-88927977
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-mail : bkkjbpm@bomba.gov.my



Kepala surat JBPM
(Ibu Pejabat / Negeri)

Ruj Tuan : CT 12196/952
Ruj Kami : JBPM/NS/BKK:700-2/1/1/42691-C ()
Tarikh : 13 Jun 2023

Ar / Ir
Syarikat XYZ Sdn Bhd,
Lot 4 Tower 2 KL Eco City,
622250 Kuala Lumpur

Nama dan alamat
syarikat PSP/SP

No. rujukan surat
permohonan PSP/SP

Tuan,

1. Tajuk projek
2. Perkara SSKKK yang dimohon

PROJEK CADANGAN 1 BLOK PEJABAT 15 TINGKAT, 14 DI LOT 3589, MUKIM SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
PERMOHONAN KAJIAN DAN SEMAKAN SEMULA PEPASANGAN KESELAMATAN KEBAKARAN

➤ PENGECUALIAN SMOKE SPILL SYSTEM

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan bil. CT 12196/952 bertarikh 25 Mei 2023 adalah berkaitan.

Bil Mesyuarat JKTKK

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Keselamatan Kebakaran (JKTKK) **Bil.6/2023** yang bersidang memutuskan **bersetuju** dengan permohonan pengecualian pihak tuan berdasarkan kepada pertimbangan berikut:-

- a) Perolehan pam berdasarkan kepada *Letter Of Award* (LOA) KP/2018/MR/KP/NSC/BMESB/LA/003 bertarikh 12 Mac 2019.

Menyenaraikan pertimbangan yang diambil kira semasa mesyuarat JKTKK sekiranya ada

3. Sukacita pihak tuan bolehlah untuk mengemukakan permohonan berkaitan urusan CCC ini ke Ibu Pejabat Bahagian Keselamatan Kebakaran JBPM bagi tindakan selanjutnya. Perhatian dan kerjasama pihak tuan adalah sangat dihargai dan didahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

- a) Ibu Pejabat BKK
- b) Ibu Pejabat JBPM
Negeri

"MALAYSIA MADANI".

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)
Pengarah
Bahagian Keselamatan Kebakaran
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tandatangan Pengarah
BKK / Pengarah Negeri

"CEPAT DAN MESRA"



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO QM S 02 101



CERTIFIED TO ISO 37001:2015
CERT. NO ABM S 002 16



PEMENANG ANUGERAH
EMAS AIGA 2022



IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,
MALAYSIA, NEGERI SEMBILAN
SEREMBAN 2

LAMPIRAN D

Telefon : 603-88880036
Faks : 603-88927977
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-mail : bkkjbpm@bomba.gov.my



Kepala surat JBPM
(Ibu Pejabat / Negeri)

Ruj Tuan : CT 12196/952
Ruj Kami : JBPM/NS/BKK:700-2/1/1/42691-C ()
Tarikh : 13 Jun 2023

Ar/Ir
Syarikat XYZ Sdn Bhd,
Lot 4 Tower 2 KL Eco City,
622250 Kuala Lumpur

Nama dan alamat
syarikat PSP/SP

No. rujukan surat
permohonan PSP/SP

Tuan,

1. Tajuk projek
2. Perkara SSKKK yang dimohon

PROJEK CADANGAN 1 BLOK PEJABAT 15 TINGKAT, 14 DI LOT 3589, MUKIM SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
PERMOHONAN KAJIAN DAN SEMAKAN SEMULA PEPASANGAN KESELAMATAN KEBAKARAN

➤ PENGECUALIAN HOSE REEL SYSTEM

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan bil. CT 12196/952 bertarikh 25 Mei 2023 adalah berkaitan.

Bil Mesyuarat JKTKK

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Keselamatan Kebakaran (JKTKK) **Bil.16/2023** yang bersidang memutuskan **menolak** permohonan pengecualian pihak tuan berdasarkan kepada pertimbangan berikut:-

- a) Sistem hos gelung tidak sesuai kerana kawasan tiada penghuni dan tiada pendudukan
- Menyenaraikan pertimbangan yang diambil kira semasa mesyuarat JKTKK sekiranya ada

3. Sukacita pihak tuan bolehlah untuk mengemukakan permohonan berkaitan urusan CCC ini ke Ibu Pejabat Bahagian Keselamatan Kebakaran JBPM bagi tindakan selanjutnya. Perhatian dan kerjasama pihak tuan adalah sangat dihargai dan didahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

- a) Ibu Pejabat BKK
- b) Ibu Pejabat JBPM Negeri

"MALAYSIA MADANI".

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)
Pengarah
Bahagian Keselamatan Kebakaran
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tandatangan Pengarah
BKK / Pengarah Negeri

"CEPAT DAN MESRA"



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO QMS 02101



CERTIFIED TO ISO 37001:2015
CERT. NO ABMS 00216




PEMENANG ANUGERAH
EMAS AIGA 2022

TERHAD

LAMPIRAN E

**CARTA ALIR PEMROSESAN PERMOHONAN KAJIAN DAN SEMAKAN
SEMULA PEPASANGAN KESELAMATAN KEBAKARAN**



TERHAD